

‘Kenyataan Muhyiddin tolak kerjasama mudahkan urusan GRS’

m/s: 7

Penampang: Gabungan Rakyat Sabah (GRS) menyifatkan kenyataan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menolak untuk bekerjasama dengan GRS dalam Pilihan Raya Negeri Ke-17 (PRN17) sebagai mempermudah urusan.

Timbalan Setiausaha Agung GRS, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata beliau secara peribadi menzahirkan penghargaan terhadap kenyataan Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu berdasarkan tiga aspek.

“Pertama, tanpa kita perlu jelaskan, beliau secara langsung memaparkan hakikat tidak pernah ada cadangan kerjasama di antara kedua-dua pihak.

“Kedua, ini memudahkan kerja kita kerana GRS tidak perlu membuat kenyataan menolak kerjasama dengan pihak tertentu. Nanti, kita nampak angkuh dan sombong. Biar orang lain bercakap dan kita alu-alukan.

“Ketiga, setakat ini urusan kita lebih mudah, tanpa kita minta, BN Sabah dan terkini PN sudah menyatakan pendirian menolak GRS. Apa yang penting kita jalan terus dan juga ikhtiar mendapatkan sokongan rakyat, bukannya mana-mana blok gabungan lain,” katanya.

Beliau berkata demikian sebelum Majlis Perasmian Penutup Festival Pengguna Tahun 2025 di sini, semalam.

Cenderung lihat hikmah

Armizan berkata, beliau lebih cenderung untuk melihat hikmah di sebalik setiap perkara yang berlaku dalam perkembangan politik Sabah.

“Saya tidak berhasrat mengulas lanjut berhubung kenyataan Tan Sri Muhyiddin. Dalam politik, saya dididik untuk mengelakkan bercakap berkaitan individu. Apatah lagi, bila me-



Armizan pada Majlis Perasmian Penutup Festival Pengguna Tahun 2025 di Penampang, semalam.

(Foto Mohd Adam Arinin/BH)

nyentuh mantan Perdana Menteri yang amat dihormati.

“Namun, saya fikir kita perlu melihat nilai dan makna di setiap apa yang berlaku. Kita dapat dengar dalam ucapan mereka menyebut mereka mengangkat Hajiji (Datuk Seri Hajiji Noor) menjadi wakil rakyat dan pilih Hajiji menjadi Ketua Menteri.

“Ke depan, inilah yang perlu kita rintis perubahan dalam politik Sabah. Berada dalam gabungan dan parti nasional, pasti akan ada sentimen begi-

tu,” katanya.

Kelmarin media melaporkan PN bersedia mempertimbang jika ada mana-mana parti yang mahu membentuk kerjasama atau pakatan pilihan raya dengan gabungan itu untuk berdepan PRN17.

Bagaimanapun, Muhyiddin menegaskan akan menolak untuk bekerjasama dengan GRS yang didakwa mengkhianati mereka selepas keluar daripada PN dan membentuk kerajaan negeri.

Sementara itu, di Sandakan, Pakatan Harapan (PH) Sabah masih dalam proses rundingan agihan kerusi antara parti dalam komponen itu.

Pengerusi PH Sabah, Datuk Ewon Benedick, berkata beliau percaya parti komponen sudah mempersiapkan bahagian masing-masing untuk menghadapi PRN17.

Katanya, beliau juga yakin kesepakatan di antara parti komponen dapat dicapai menjelang pilihan raya itu nanti.